



BE Lifestyle Travel ke Dubai



“
Satu-satunya
dan Terbaik!

**RCCA Hanisah &
Adrian Freddie**

Pemilik butik fesyen & Jurutera minyak & gas

RCCA Hanisah (Hanny) senantiasa mengimpikan untuk menjadi wanita moden yang berjaya, dan dengan keazaman yang tinggi, beliau berjaya melakukannya. Mula-mula, beliau menjadi setiausaha korporat dan pengurus pentadbir, dan kemudian beliau menjalankan butik fesyennya dan menjual emas dalam talian. Tetapi dengan perniagaan BE, beliau kini memaksimumkan potensinya di luar imaginasi.

Aspirasi zaman kanak-kanak

Hanny menyaksikan bagaimana ibunya bersusah payah mengasuhnya sebagai ibu tunggal. Oleh itu, beliau bertekad untuk berdikari dari segi kewangan, walaupun bertuah mendapat seorang suami yang boleh memberinya nafkah.

Selepas mendaki tangga korporat untuk sekian lama, beliau memulakan perniagaan butiknya pada 2015, dengan sokongan suaminya. Beliau kemudiannya menjadi ejen RCCA Liza, yang ketika itu merupakan stokis untuk satu jenama pakaian dalam dan korset. “RCCA Liza kemudian memperkenalkan saya kepada AULORA Pants pada November 2018. Apabila sakit belakang saya berkurangan selepas memakai seluar itu, beliau mengajak saya meneroka perniagaan BE. Saya bertemu dengan mentor RCCA TY dan mengetahui tentang potensi besar perniagaan itu.”



Kereta impian



Bergambar bersama upline dan para IBO

Gambar bersama Founder



Hanny merupakan Bumiputera terawal yang memulakan perniagaan BE di Sabah. Selepas lima bulan sahaja, beliau dengan beraninya memutuskan untuk menutup butiknya dan menjalankan perniagaan BE sepenuh masa. "Pendapatan bulanan BE tertinggi saya dalam tempoh lima bulan itu ialah RM5800, tetapi itu sudah cukup untuk memberi keyakinan kepada saya kerana saya seronok dapat membantu orang ramai meningkatkan kesihatan dan pendapatan mereka secara serentak."

BE sesungguhnya pilihan yang tepat

Kehidupan telah berubah menjadi lebih baik dengan perniagaan BE. "Kini, saya boleh memenuhi permintaan ibu saya dengan serta-merta tanpa perlu menunggu atau merancang, dan saya boleh memberikan yang terbaik untuknya dan anak-anak saya.

Apabila rumah saya terjejas teruk akibat banjir September tahun lalu (2021), saya mampu membantu membayar pembaikan dan pengubahsuaian. Suami saya memang mampu membayarnya, tetapi perasaan dapat membantu selain hanya memberikan sokongan moral kepadanya sangat memuaskan."

Hanny tidak meragui bahawa beliau telah membuat pilihan kerjaya yang tepat dalam perniagaan BE. "Perniagaan ini tidak akan ketinggalan kerana setiap orang memerlukan kesihatan sepanjang hayat. Tambahan pula, tidak kira sama ada anda mempunyai pengalaman atau tidak kerana semuanya sudah sedia di sini – sistem, pelan pemasaran, bimbingan, mentor dan banyak lagi."



Perkongsian produk



Penceramah BES



Malam BE Convention



Mengimbas kembali, Hanny bersyukur kerana beliau memutuskan untuk menutup butiknya dan meneruskan perniagaan BE sepenuh masa. "Jika saya masih menjalankan perniagaan butik saya, sudah tentu saya akan terjejas teruk oleh pandemik ini, seperti kebanyakan orang lain. Tetapi perniagaan BE telah menentang kebiasaan itu; ia terus berkembang maju dan menghasilkan banyak RCCA pada masa yang mencabar ini," ulas Hanny.



Aktiviti luaran BE Camp